



**GARIS PANDUAN
PENCALONAN PENGANUGERAHAN & PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN/ WILAYAH PERSEKUTUAN/ NEGERI
DI JABATAN PERTANIAN**

1. PENDAHULUAN

Penganugerahan dan pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat ini merupakan suatu sistem pemberian gelaran kehormat kepada seseorang yang dianggap berjasa, berkorban dan berbakti kepada negara atau sesuatu negeri. Ia dikurniakan bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Yang di-Pertuan Agong/ DYMM Sultan Negeri-negeri/ Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri/ Hari Wilayah Persekutuan. Penghargaan ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi pegawai dan kakitangan serta menjadi contoh teladan dalam sesebuah organisasi dan masyarakat.

2. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan pencalonan penganugerahan dan pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri bagi warga Jabatan Pertanian. Penganugerahan dan pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat kepada pegawai dan kakitangan awam adalah tertakhluk kepada pertimbangan Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri.

3. PELAKSANAAN

Urusetia Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat

- 3.1 Penghormatan ini dikurniakan di peringkat negeri masing-masing yang melalui pencalonan di peringkat Jabatan. Dalam hal ini, Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (PADKBP) Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri di Jabatan Pertanian (DOA) bertanggungjawab meneliti dan mempertimbangkan pencalonan di peringkat Jabatan dan Bahagian Khidmat Pengurusan bertindak selaku urusetia. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah seperti di **Lampiran I**.
- 3.2 Pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/

Negeri di Jabatan Pertanian akan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk diperakukan oleh Ketua Setiausaha. Perakuan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atau YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan dikemukakan oleh BPSM, KPKM sekiranya perlu.

Kelayakan dan Kriteria Pencalonan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian Bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri

3.3 Kelayakan pencalonan

- (i) Terbuka kepada **semua Skim Perkhidmatan dan Kumpulan Perkhidmatan** (Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional/ Kumpulan Pelaksana) di Jabatan Pertanian;
- (ii) Pencalonan **tidak** termasuk Pegawai Pertanian yang ditempatkan di **Jabatan Pertanian Negeri** #;
- (iii) Keutamaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya **10 tahun dalam perkhidmatan awam**;
- (iv) Keutamaan kepada pegawai dan kakitangan yang **belum dikurniakan sebarang anugerah** Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat dan telah banyak berjasa kepada Negara;
- (v) **Bersesuaian dengan gred jawatan dan kriteria** yang ditetapkan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri/ Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)/ Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri;
- (vi) **Pencalonan terkini adalah lebih tinggi** daripada Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang telah dikurniakan sebelum ini (sekiranya berkaitan);
- (vii) Pencalonan anugerah yang membawa **gelaran** adalah bagi pegawai **Gred 54 dan ke atas** sahaja;
- (viii) Memperolehi prestasi cemerlang iaitu sekurang-kurangnya **markah purata 85% MyPerformance/ Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** bagi tiga (3) tahun terkini;

Pindaan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Induk Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Jabatan Pertanian Tahun 2022 pada 10 Disember 2021

(ix) Rekod perkhidmatan yang bersih:

- Bebas daripada tindakan tatatertib;
- Bebas daripada sebarang aduan dan siasatan;
- Bebas daripada sebarang masalah disiplin dan tidak mempunyai masalah kehadiran;
- Bebas daripada status keterhutangan serius;
- Melepasi tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- Telah mengisytiharkan harta terkini berdasarkan peraturan berkuatkuasa; dan
- Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Pendidikan daripada Institusi Pinjaman Pendidikan.

3.4 Kriteria Umum

- (i) Pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian di jawatan Persekutuan bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri **wajib** **mendapat perakuan Ketua Pengarah Pertanian melalui Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri** Jabatan Pertanian sebelum membuat sebarang permohonan daripada Persekutuan, Wilayah Persekutuan atau Negeri masing-masing.
- (ii) **Semua pencalonan** bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri bagi semua pegawai dan kakitangan di jawatan Persekutuan termasuk di negeri **perlu melalui Urus Setia Jawatankuasa Teknikal PADKBP** Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian.
- (iii) Pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang dicalonkan bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri mestilah **dikemukakan oleh pencadang** iaitu sama ada Ketua Pengarah Pertanian, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, Pengarah Bahagian atau Pengarah Pertanian Negeri sahaja.
- (iv) Senarai pencalonan pegawai dan kakitangan DOA bagi Anugerah Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri akan **dikemaskini setiap tahun sekali**.
- (v) Pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang pernah **menolak** pencalonan pengurniaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian **tidak perlu dicalonkan semula**.

- (vi) Keutamaan boleh diberikan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang telah **lama berkhidmat** dalam sesuatu perkhidmatan.
- (vii) Pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang telah dikurniakan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat boleh **dicalonkan semula selepas tempoh tiga (3) tahun** dari tarikh kurniaan terdahulu. Selain daripada Anugerah Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan, pengecualian akan dipertimbangkan bagi pegawai dan kakitangan yang menunjukkan kecemerlangan serta sumbangan luar biasa.

3.5 Kriteria Khusus

- (i) Pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian haruslah mematuhi garis Garis Panduan Pencalonan yang ditetapkan dan dikemaskini oleh Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri masing-masing seperti di **Lampiran II**.

3.6 Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian **berhak untuk memberi pengecualian** terhadap sebarang kriteria seperti yang dinyatakan oleh Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri serta Garis Panduan Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian ini.

Tatacara Pencalonan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian

- 3.7 Urusetia Jawatankuasa Teknikal PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian akan **mengedarkan surat pencalonan** Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri kepada semua Bahagian dan Negeri.
- 3.8 **Pencalonan** pegawai dan kakitangan daripada Bahagian atau Negeri perlu **dikemukakan oleh pencadang kepada Urus Setia Jawatankuasa Teknikal** PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian menggunakan format seperti di **Lampiran III**.
- 3.9 **Borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK dan surat makluman** Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri akan **diedarkan kepada calon/ pencadang yang telah disaring dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk** PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian setelah menerima surat siaran daripada BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri.

3.10 Borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK manual/ *online* perlu **dilengkapkan oleh calon/ pencadang** dengan mematuhi kriteria dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini dan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri dan **dikemukakan semula** kepada **Urus Setia Jawatankuasa Teknikal** PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian.

3.11 Bahagian/ Negeri perlu mematuhi tarikh akhir penyerahan borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK yang ditetapkan oleh pihak **Urus Setia Jawatankuasa Teknikal** PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian. Borang pencalonan yang lewat diterima mengikut tarikh yang ditetapkan tidak akan diproses.

3.12 Carta alir bagi proses pencalonan dan pemilihan adalah seperti di **Lampiran IV**.

4. PINDAAN

Garis Panduan ini adalah tertakhluk kepada pindaan oleh Jawatankuasa Induk Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian pada bila-bila masa sekiranya perlu.

5. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian termasuk di negeri.

6. PEMBATALAN

Arahan Pentadbiran Dalaman Jabatan Pertanian Bil. 3/ 2022 mengenai Garis Panduan Pencalonan Penganugerahan & Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri di Jabatan Pertanian adalah dibatalkan.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan kepada Unit Prestasi, Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pertanian.



TERMA RUJUKAN

**JAWATANKUASA INDUK
PENCALONAN ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT
PERSEKUTUAN/ WILAYAH PERSEKUTUAN/ NEGERI
JABATAN PERTANIAN**

Pengerusi	:	Ketua Pengarah Pertanian
Ahli-ahli	:	(i) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) (ii) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori) (iii) Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Kekerapan mesyuarat	:	Sekurang-kurangnya sekali (1) setahun
Urusetia	:	Unit Prestasi Seksyen Perkhidmatan Bahagian Khidmat Pengurusan
Peranan dan tanggungjawab	:	(i) Mempertimbangkan pengesyoran pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian daripada Jawatankuasa Teknikal PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian. (i) Menetapkan kriteria dan mengeluarkan garis panduan bagi Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian untuk diedarkan kepada semua warga jabatan. (ii) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian.



TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA TEKNIKAL PENCALONAN ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN/ WILAYAH PERSEKUTUAN/ NEGERI JABATAN PERTANIAN

Pengerusi	:	Pengarah (Bahagian Khidmat Pengurusan)
Ahli-ahli	:	(i) Bahagian Pembangunan Modal Insan (ii) Bahagian Khidmat Pengurusan (iii) Unit Integriti
Kekerapan mesyuarat	:	Sekurang-kurangnya sekali (1) setahun
Urusetia	:	Unit Prestasi Seksyen Perkhidmatan Bahagian Khidmat Pengurusan
Peranan dan tanggungjawab	:	(ii) Mengeluarkan surat siaran kepada semua Bahagian dan Negeri untuk mengenalpasti calon bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri. (iii) Menyemak dan memastikan semua pencalonan pegawai dan kakitangan di Jabatan Pertanian memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri. (iv) Menyemak dan memastikan semua pencalonan pegawai dan kakitangan di Jabatan Pertanian memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pencalonan daripada Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri masing-masing. (v) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri sebelum Mesyuarat

	Jawatankuasa Induk Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri Jabatan Pertanian. (vi) Mengesyorkan pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian kepada Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri. (vii) Mengeluarkan surat makluman kepada calon/ pencadang* yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri bagi pengisian borang. (viii) Merekodkan dan memantau senarai penerima-penerima Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri di Jabatan Pertanian.
--	---

Nota:

* KWP, SUK Perak dan SUK Sarawak adalah antara Kementerian/ SUK yang menetapkan borang pencalonan diisi oleh pencadang.

KRITERIA KHUSUS

**GARIS PANDUAN PENCALONAN ANUGERAH
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN/ WILAYAH PERSEKUTUAN/ NEGERI**

PERSEKUTUAN

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Panglima Jasa Negara	P.J.N.	Datuk	Turus III, Utama A	Melebihi 45 tahun	Melebihi 20 tahun	-
Johan Mangku Negara	J.M.N.	-	Gred Utama/ Khas A dan B		Melebihi 15 tahun	-
Johan Setia Mahkota	J.S.M.	-	Gred Utama/ Khas C			-
Kesatria Mangku Negara	K.M.N.	-	Gred 53 – 54 Gred 45 – 52 (Kanan)			-
Ahli Mangku Negara	A.M.N.	-	Gred 41 – 52 Gred 33 – 40 (Kanan)	Melebihi 40 tahun	Melebihi 10 tahun	-
Pingat Pangkuan Negara	P.P.N.	-	Gred 32 dan ke bawah	Melebihi 35 tahun		-

WILAYAH PERSEKUTUAN

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Seri Mahkota Wilayah	S.M.W.	Datuk Seri	Turus I, II, III Gred Utama A	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun	Individu terpilih dan mendapat perkenan Agong-
Panglima Mahkota Wilayah	P.M.W.	Datuk	Gred Utama			
Johan Mahkota Wilayah	J.M.W.	-	Gred Utama C Gred 14-15	Minimum 40 tahun		
Kesatria Mahkota Wilayah	K.M.W.	-	Gred 11-13			
Ahli Mahkota Wilayah	A.M.W.	-	Gred 9-10 Gred 7-8	Minimum 35 tahun		
Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah	P.P.W.	-	Gred 6 dan ke bawah			

KEDAH

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Dato Paduka Mahkota Kedah	D.P.M.K	Dato'	Utama A, B, C	-	-	-
Dato' Setia DiRaja Kedah	D.S.D.K.	Dato'	Utama A, B, C	-	-	-
Setia Gemilang Seri mahkota Kedah	S.G.K.	-	Gred 54			
Setia Mahkota Kedah	S.M.K.	-	Gred 54			
Setia Diraja Kedah	S.D.K.	-	Gred 54			
Ahli Gemilang Kedah	A.G.K.	-	Gred 48 – 52			
Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah	B.C.K.	-	Gred 41 - 44	-	-	-
Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah	P.C.K.	-	Kumpulan Sokongan	-	-	-
Bintang Kebaktian Masyarakat	B.K.M.	-	-	-	-	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	-	-	-	-
Bintang Perkhidmatan Lama	B.P.L	-	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	-	Melebihi 21 tahun	-
Pingat Perkhidmatan Lama	P.P.L	-	Kumpulan Sokongan	-	Melebihi 21 tahun	-

TERENGGANU

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu	S.P.M.T.	Dato'	Utama A, B	Melebihi 50 tahun	-	-
Darjah Dato' Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu	D.S.M.Z.	Dato'	Utama A, B		-	-
Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu	D.P.M.T.	Dato'	Utama A, B		-	-
Darjah Setia Sultan Mizan Zainal abidin Terengganu	S.M.Z.	-	Utama C, Gred 54	-	-	-
Darjah Setia Mahkota Terengganu	S.M.T.	-	Gred 48 – 54	-	-	-
Darjah Ahli Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu	A.M.Z	-	Gred 44 ke atas	-	-	-
Darjah Ahli Mahkota Terengganu	A.M.T.	-	Gred 44 ke atas	-	-	-
Pingat Jasa Cemerlang	P.J.C.	-	Gred 41 ke atas	-	-	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	-	Melebihi 50 tahun	-	-
Pingat Bintang Lama Berjawatan	B.L.B.	-	Gred 41 ke atas	-	Melebihi 21 tahun	-
Pingat Lama Berjawatan	P.L.B.	-	Kumpulan Sokongan	-		-

PAHANG

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang	D.S.A.P.	Dato'	Gred Utama A, B, C	-	Melebihi 5 tahun	-
Darjah Indera Mahkota Pahang	D.I.M.P.	Dato'	Gred Utama C	-		-
Setia Ahmad Shah Pahang	S.A.P.	-	Gred 54 ke atas	-		-
Setia Mahkota Pahang	S.M.P.	-	Gred 52 ke atas	-		-
Ahli Ahmad Shah Pahang	A.A.P.	-	Gred 48 ke atas	-		-
Ahli Mahkota Pahang	A.M.P.	-	Gred 41 – 44	-		-
Pingat Khidmat Cemerlang	P.K.C.	-	Gred 27 – 32	-		-
Pingat Kelakuan Terpuji	P.K.T.	-	Gred 22 ke atas	-		-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	Gred 11 – 29	-		-

PERAK

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
------------------	---------	---------	------	------	----------------	-----------

Dato' Paduka Cura Simanja Kini	D.P.C.M.	Dato'	Utama A, B	-	-	Telah dikurniakan P.C.M.
Dato' Paduka Mahkota Perak	D.P.M.P.	Dato'	Gred 54 ke atas	-	-	Telah dikurniakan P.M.P.
Paduka Cura Simanja Kini	P.C.M.	-	Gred 52	-	-	Telah dikurniakan A.C.M.
Paduka Mahkota Perak	P.M.P.	-	Gred 52	-	-	Telah dikurniakan A.M.P.
Ahli Cura Simanja Kini	A.C.M.	-	Gred 44 ke atas	-	-	-
Ahli Mahkota Perak	A.M.P.	-	Gred 41 ke atas	-	-	-
Pingat Pekerti Terpilih	P.P.T.	-	Gred 22 ke atas	-	-	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	Gred 19 ke atas	-	-	-
Pingat Lama Perkhidmatan	P.L.P	-	-	Melebihi 55 tahun	Melebihi 30 tahun	-

PERLIS

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis	D.P.M.P.	Dato'	Utama A	-	-	-
Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail	D.S.P.J.	Dato'	Utama A, B	-	-	-
Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail	D.P.S.J.	Dato'	Utama A, B, C	-	-	-
Darjah Setia Mahkota Perlis	S.M.P.	-	Gred 54	-	-	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri atau setaraf dengannya
Darjah Seri Sirajuddin Perlis	S.S.P.	-	Gred 48 - 52	-	-	Ketua Jabatan Kerajaan
Darjah Ahli Mahkota Perlis	A.M.P.	-	Gred 48	-	-	-
Pingat Mahkota Perlis	P.M.P	-	Gred 41 – 44	-	-	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	Gred 27 – 40	-	-	-
Pingat Jasa Baik	P.J.B.	-	Gred 8 – 26	-	-	-
Pingat Perkhidmatan Lama	P.P.L.	-	-	-	Melebihi 25 tahun	-

SELANGOR

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Termpoh Khidmat	Lain-lain
Dato' Paduka Mahkota Selangor	D.P.M.S.	Dato'/ Datin Paduka	Gred 54 ke atas	Melebihi 45 tahun	-	-
Dato' – Sultan Shafaruddin Idris Shah	D.S.I.S.	Dato'/ Datin Paduka	Gred 54 ke atas		-	-
Setia Mahkota Selangor	S.M.S.	-	Gred 48 ke atas	Melebihi 40 tahun	-	-
Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah	S.I.S.	-	Gred 48 ke atas		-	-
Ahli Mahkota Selangor	A.M.S	-	Gred 26 ke atas	Melebihi 35 tahun	Melebihi 3 tahun	-
Ahli – Sultan Sharafuddin Idris Shah	A.I.S.	-	Gred 26 ke atas		Melebihi 3 tahun	-
Bintang Negeri Selangor Darul Ehsan	B.P.C.	-	Gred 22 ke atas	Melebihi 40 tahun	Melebihi 7 tahun (4 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor)	-
Pingat Pekerti Terpilih	P.P.T.	-	Gred 48 - 29		-	-

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Pingat Perkhidmatan Cemerlang	P.P.C.	-	Gred 40 ke bawah	Melebihi 35 tahun	Melebihi 7 tahun	-
Pingat Jasa kebaktian	P.J.K.	-	Gred 40 ke bawah		-	-
Pingat Perkhidmatan Selangor	P.P.S.	-	Semua Kakitangan Kerajaan	-	Melebihi 20 tahun	-

NEGERI SEMBILAN

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Seri Utama Negeri Sembilan	S.U.N.S.	Dato' Seri Utama	Turus I, II, III Utama A, B	-	-	Telah dianugerahkan gelaran Dato' oleh Kerajaan Negeri Sembilan
Dato' Paduka Negeri Sembilan	D.P.N.S.	Dato'	Utama C ke atas	-	-	-
Darjah Setia Negeri Sembilan	D.N.S.	-	Gred 54 ke atas	-	-	-
Darjah Pekerti Terpilih	D.P.T.	-	Gred 48 ke atas	-	Melebihi 5 tahun atau 2 tahun dengan Kerajaan Negeri Sembilan	-
Pingat Ahli Setia Negeri Sembilan	A.N.S.	-	Gred 41 ke atas	-	-	-

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat	P.M.C.	-	-	Melebihi 30 tahun	Melebihi 5 tahun atau 2 tahun dengan Kerajaan Negeri Sembilan	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	-	-	Melebihi 3 tahun atau 1 tahun dengan Kerajaan Negeri Sembilan	-
Pingat Khidmat Lama	P.K.L.	-	Kumpulan Sokongan	-	Melebihi 20 tahun dengan Kerajaan Negeri Sembilan	-

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Pingat Sultan Ibrahim Pangkat Kedua	P.I.S.	-	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Melebihi 50 tahun.	Melebihi 20 tahun	-
Pingat Sultan Ibrahim Pangkat Ketiga	P.I.S.	-	Kumpulan Sokongan		Melebihi 25 tahun	-
Pingat Lama dan Baik Dalam Perkhidmatan	P.L.P.	-	-	Melebihi 58 tahun	Melebihi 30 tahun.	-

KELANTAN

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Dato' Sri Paduka Setia Mahkota Kelantan	S.P.S.K.	Dato'	Turus I, II, III Utama A, B, C	-	-	-
Dato' Paduka Mahkota Kelantan	D.P.M.K.	Dato'	Turus I, II, III Utama A, B, C	-	-	-
Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan	D.P.S.K.	Dato'	Turus I, II, III Utama A, B, C	-	-	-
Paduka Setia Mahkota Kelantan	P.S.K.	-	Gred 54	-	-	-
Bentara Setia Mahkota Kelantan	B.S.K.	-	Gred 48 - 52	-	-	-
Ahli Setia Mahkota Kelantan	A.S.K.	-	Gred 41 ke atas	-	-	-
Sri mahkota Kelantan	S.M.K.	-	Gred 36 ke atas	-	-	-
Sri Kelantan	S.K.	-	Gred 32	-	-	-
Ahli Kelantan	A.K.	-	Gred 26 – 29	-	-	-
Pingat Bakti	P.B.	-	Gred 22	-	-	-
Pingat Setia Mahkota Kelantan	P.S.	-	Gred 17 ke atas	-	-	-

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Pingat Taat	P.T.	-	Gred 11 - 17	-	Melebihi 15 tahun	-
Pingat Perangai Baik	P.P.B.	-	Gred 11 ke atas	-	Melebihi 10 tahun	-

PULAU PINANG

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri	D.M.P.N.	Dato'	Utama B	-	-	-
Darjah Setia Pangkuan Negeri	D.S.P.N.	Dato'	Utama C	-	-	-
Darjah Johan Negeri	D.J.N.	-	Gred 54	-	-	-
Bintang Cemerlang Negeri	B.C.N.	-	Gred 52	-	-	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	-	-	-	-
Pingat Jasa Masyarakat	P.J.M.	-	-	-	-	-
Pingat Bakti Setia	P.B.S.	-	-	-	Melebihi 25 tahun	-

MELAKA

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Darjah Mulia Seri Melaka	D.M.S.M.	Datuk	Utama C ke atas	Melebihi 40 tahun	-	-
Darjah Pangkuan Seri Melaka	D.P.S.M.	Datuk	Utama C	Melebihi 50 tahun	Melebihi 3 tahun	-
Darjah Seri Melaka	D.S.M.	-	Gred 54 (luar Melaka) Gred 52 (dalam Melaka)	-	Melebihi 3 tahun	-
Bintang Cemerlang Melaka	B.C.M.	-	Gred 48 - 52	-	Melebihi 5 tahun	-
Bintang Khidmat Terpuji	B.K.T.	-	Gred 41 - 44	-	Melebihi 3 tahun	-
Pingat Jasa Kebaktian	P.J.K.	-	Kumpulan Sokongan	-	-	-
Pingat Bakti Masyarakat	P.B.M.	-	Kumpulan Sokongan	-	-	3 tahun selepas terima P.B.M.
Pingat Khidmat Lama	P.K.L.	-	Kumpulan Sokongan	-	Melebihi 25 tahun	-

SARAWAK

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Darjah Jasa Bakti Sarawak	D.J.B.S.	Datu	-	-	-	-
Johan Bintang Sarawak	J.B.S.	-	Utama C/ Khas C ke atas	Melebihi 45 tahun	-	-
Johan Bintang Kenyalang	J.B.K.	-	Utama C/ Khas C ke atas		-	-
Johan Perkhidmatan Cemerlang	J.P.C.	-	Utama C/ Khas C ke atas		-	-
Pingat Perkhidmatan Cemerlang	P.P.C.	-	Gred 54 ke atas		-	-
Pegawai Bintang Sarawak	P.B.S.	-	Gred 41 ke atas		Melebihi 18 tahun	-
Pegawai Bintang Kenyalang	P.B.K.	-	Gred 41 ke atas		Melebihi 15 tahun	-
Pingat Perkhidmatan Bakti	P.P.B.	-	Gred 41 ke atas	Melebihi 40 tahun		-
Ahli Bintang Sarawak	A.B.S.	-	Gred 22 ke atas			-
Ahli Bintang Kenyalang	A.B.K.	-	Gred 22 ke atas			-
Pingat Perkhidmatan Terpuji	P.P.T.	-	Kumpulan Sokongan	Melebihi 45 tahun	Melebihi 18 tahun	-
Bentara Bintang Sarawak	B.B.S.	-	Kumpulan Sokongan		Melebihi 15 tahun	-

SABAH

Darjah Kebesaran	Akronim	Gelaran	Gred	Umur	Tempoh Khidmat	Lain-lain
Ahli Setia Darjah Kinabalu	A.S.D.K.	-	Gred 48 ke atas	Melebihi 40 tahun	Melebihi 20 tahun	-
Ahli Darjah Kinabalu	A.D.K.	-	Gred 41 ke atas			-
Bintang Setia Kinabalu	B.S.K.	-	Gred 19 – 32			-
Bintang Kinabalu	B.K.	-	Gred 19 – 22			-
Pingat Perkhidmatan Terpuji	P.P.T.	-	Gred 11 – 14	Melebihi 45 tahun	Melebihi 25 tahun	-
Sijil Kehormat	S.K.	-	Gred 11 ke bawah	Melebihi 40 tahun	Melebihi 20 tahun	-



**BORANG PENCALONAN
ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT
PERSEKUTUAN/ WILAYAH PERSEKUTUAN/ NEGERI
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**

Arahan:

- a. Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **JELAS DAN KEMAS**;
- b. Borang ini hendaklah disahkan oleh pencadang iaitu **Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Pertanian Negeri** sahaja.
- c. Perakuan dari Pengarah Pertanian Negeri sama ada pegawai layak dicalonkan adalah perlu bagi pegawai yang ditempatkan di jawatan Persekutuan di negeri.
- d. Hantarkan borang pencalonan ini kepada:

**Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 11, Wisma Tani
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA**

BAHAGIAN A : BUTIRAN DIRI PEGAWAI YANG DICALONKAN

Nama	:		<i>Gambar Terkini Pegawai</i>
No. KP	:		
Jawatan	:		
Gred	:		
Negeri Kelahiran	:	Umur :	
Tarikh Mula Berkhidmat	Kerajaan	:	
	Jabatan Pertanian	:	
Butiran Akademik	Kelayakan Akademik	:	
	Bidang Pengkhususan	:	
Kepakaran	:		
Butiran Pejabat Sekarang	Seksyen	:	
	Bahagian	:	
	Alamat	:	
	No. Telefon	:	
	No. Faksimili	:	
	E-mel	:	

BAHAGIAN B : ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT

Yang Dicalonkan		Yang Pernah Dicalonkan		Yang Telah Diterima	
Tahun	Nama Anugerah & Gelaran & Negeri	Tahun	Nama Anugerah & Gelaran & Negeri	Tahun	Nama Anugerah & Gelaran & Negeri

BAHAGIAN C : PENGALAMAN BEKERJA, PENCAPAIAN & SUMBANGAN

Pengalaman Bekerja (Nyatakan pengalaman bekerja sejak mula berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia)				
Jawatan & Gred	Tarikh & Lokasi Penempatan	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Bahagian	Ringkasan Tugas

(Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

Keahlian Dalam Badan Jawatankuasa/ Panel/ Penilai (Nyatakan keahlian/ lantikan jawatan sejak mula berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia)			
Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Keahlian	Badan Jawatankuasa/ Panel/ Penilai	Tahun
Cth. Jabatan Pertanian	Cth. Pegawai Pemeriksa	Cth. Audit Luar MyGAP	Cth. Sejak 2010

(Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

Markah MyPerformance (Nyatakan tiga (3) tahun markah penilaian terkini)		
Tahun & Markah	Tahun & Markah	Tahun & Markah

Pencapaian/ Sumbangan (Nyatakan pencapaian/ sumbangan sejak mula berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia)		
Tahun	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Pencapaian/ Sumbangan
Cth. 2010	Cth. Jabatan Pertanian	Cth. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

(Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

SULIT

BAHAGIAN C : PERAKUAN PENGARAH PERTANIAN NEGERI

(Perakuan bagi semua pegawai yang ditempatkan di jawatan Persekutuan di negeri)

Pegawai ini adalah **LAYAK/ TIDAK LAYAK** untuk dicalonkan.

Ulasan : _____

.....
(Tandatangan Pengarah Negeri)
Cop Rasmi Jawatan

Tarikh :

BAHAGIAN D : PENGESAHAN PENCADANG

(Pencadang hanyalah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian atau Pengarah Pertanian Negeri sahaja)

(Sila tandakan X pada setiap perakuan di bawah)

Saya mengesahkan bahawa calon ini:

- ☐ Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib
- ☐ Bebas daripada sebarang aduan/ siasatan
- ☐ Bebas daripada sebarang masalah disiplin dan tidak mempunyai masalah kehadiran
- ☐ Bebas dari keterhutangan serius
- ☐ Melempi tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
- ☐ Telah mengisytiharkan harta terkini
- ☐ Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Pendidikan daripada Institusi Pinjaman Pendidikan

.....
(Tandatangan Pencadang)

Nama :

Jawatan :

Cop Rasmi Jawatan

Tarikh :



CARTA ALIR PROSES KERJA

**PENCALONAN ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT
PERSEKUTUAN/ WILAYAH PERSEKUTUAN/ NEGERI
JABATAN PERTANIAN**

PROSES	AKTIVITI	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH
<pre> graph TD MULA([MULA]) --> Surat[Surat pencalonan DOA] Surat --> Calon{Calon} Calon -- Tiada --> Selesai[Selesai] Calon -- Ada --> IsiBorang[Isi Borang Pencalonan DOA] IsiBorang --> Kemuka[Kemuka kepada Urusetia] Kemuka --> Lengkap{Lengkap} Lengkap -- Tidak --> IsiBorang Lengkap -- Ya --> Mesyuarat[Mesyuarat bersidang] Mesyuarat --> Layak{Layak} Layak -- Tidak --> Maklum[Maklum pencadang] Maklum --> Fail[Fail] Layak -- Ya --> Next[] </pre>	Surat pencalonan dikeluarkan kepada semua Bahagian/ Negeri untuk pencalonan secara tahunan. Bahagian/ Negeri mengenalpasti pegawai dan kakitangan beserta cadangan anugerah yang bersesuaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Bahagian/ Negeri melengkapkan borang pencalonan DOA seperti di Lampiran III. Mengemukakan borang pencalonan DOA kepada Bahagian Kidmat Pengurusan, DOA selaku Urus Setia Jawatankuasa Teknikal PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri DOA pada tarikh yang ditetapkan.	Urusetia JWT PADKBP DOA Pencadang Pencadang Pencadang	(Suku ke-3 tahunan) (Tarikh yang dinyatakan dalam surat)
	Menyemak dan memastikan semua pencalonan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam: - Garis Panduan Pencalonan DOA; dan - Garis Panduan Pencalonan daripada Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri masing-masing Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri DOA bersidang Mengemukakan surat makluman kepada pencadang bagi pencalonan yang tidak memenuhi Garis Panduan	Urusetia JWT PADKBP DOA JWT PADKBP DOA Urusetia JWT PADKBP DOA	14 hari dari tarikh tutup pencalonan 14 hari dari tarikh Mesyuarat bersidang

PROSES	AKTIVITI	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH
<pre> graph TD A[Kemaskini] --> B[Mesyuarat bersidang] B --> C{Layak} C -- Tidak --> D[Maklum pencadang] D --> E[Fail] C -- Ya --> F[Terima Surat Siaran BIUPA/ KWP/ SUK] F --> G[Kemuka Borang Pencalonan BIUPA/ KWP/ SUK / Surat makluman] G --> H[Isi Borang Pencalonan BIUPA/ KWP/ SUK] H --> I[Kemuka kepada Urusetia] I --> J{Lengkap} J -- Tidak --> H J -- Ya --> K{Perakuan} K -- Tidak --> D K -- Ya --> L{Perakuan} L -- Tidak --> D L -- Ya --> M{Perakuan} M -- Tidak --> D M -- Ya --> N[Kemuka Borang kepada BIUPA/ KWP/ SUK] N --> O[Fail] </pre>	Mengemaskini senarai pencalonan	Urusetia JWT PADKBP DOA	
	Mesyuarat Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri DOA bersidang	JWI PADKBP DOA	30 hari dari tarikh Mesyuarat JT bersidang
	Memaklumkan pencadang keputusan Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri DOA bagi pencalonan yang tidak diperakukan	Urusetia JWT PADKBP DOA	14 hari dari tarikh Mesyuarat bersidang
	Mengemukakan borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri/ surat makluman kepada pencadang bagi calon-calon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Induk PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri apabila menerima surat siaran pencalonan daripada BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri	Urusetia JWT PADKBP DOA	7 hari dari tarikh surat siaran BIUPA/ KWP/ Negeri
	Calon/ pencadang* mengisi borang pencalonan manual/ online dari BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri	Calon/ Pencadang	
	Bahagian/ Negeri menyerahkan borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri kepada Urus Setia Jawatankuasa Teknikal PADKBP Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri DOA pada tarikh yang ditetapkan	Calon/ Pencadang	(Tarikh yang dinyatakan dalam surat)
	Menyemak borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan DOA dan Garis Panduan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri	Urusetia JWT PADKBP DOA	
	Mendapatkan perakuan Ketua Pengarah Pertanian pada borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri	Urusetia JWT PADKBP DOA	7 hari dari tarikh akhir penyerahan borang
	Mengemukakan borang pencalonan BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri kepada BPSM, KPKM untuk penyelarasan dan perakuan KSU	Urusetia JWT PADKBP DOA	7 hari dari tarikh perakuan
	Perakuan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atau YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dikemukakan oleh BPSM, KPKM sekiranya perlu	BPSM, KPKM	
	BPSM, KPKM mengemukakan borang pencalonan yang telah diperakui kepada BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri	BPSM, KPKM	

PROSES	AKTIVITI	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH
 <pre> graph TD A[Keputusan] --> B[Calon maklum kepada Urusetia JKT PADKBP DOA] B --> C[Rekod] C --> D([TAMAT]) </pre>	BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri memaklumkan keputusan kepada calon Calon memaklumkan keputusan kepada pencadang dan Urus Setia Jawatankuasa Teknikal PABKBP Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri Merekodkan dan memantau senarai penerima-penerima Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/ Wilayah Persekutuan/ Negeri di Jabatan Pertanian	BIUPA, JPM/ KWP/ SUK Negeri Calon Urusetia JWT PADKBP DOA	30 hari dari tarikh kurniaan

Nota:

* KWP, SUK Perak dan SUK Sarawak adalah antara Kementerian/ SUK yang menetapkan borang pencalonan diisi oleh pencadang.